

**JAWATAN : GURU BAHASA GRED DG9**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**  
**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENDIDIKAN**  
**TERMA LANTIKAN : SEPENUH MASA**  
**TARAF JAWATAN : TETAP**  
**GAJI POKOK : RM2,470.00**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a. Warganegara Malaysia.
- b. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i. Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Pengajaran Bahasa atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG9: RM2,470.00); atau

- ii. Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan mempunyai tahap pengalaman, kemahiran dan kemampuan mengajar dalam bahasa berkaitan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG9: RM2,470.00).

3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI**

Calon yang mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan akan diberi keutamaan.

**RINGKASAN TUGAS**

Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam bidang Bahasa, termasuk penyediaan dan pelaksanaan kurikulum, penilaian pelajar, serta penyelidikan dan pembangunan dalam bidang Bahasa.

**CARA MEMOHON:**

1. Permohonan hendaklah dibuat melalui Sistem Permohonan Jawatan (*hrportal*) yang boleh dicapai dalam laman web rasmi UPMKB di [ejobs.upm.edu.my](http://ejobs.upm.edu.my).
2. Hanya calon yang **layak dan melepasi proses saringan sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.**
3. Permohonan yang **tidak lengkap tidak akan diproses.**
4. Calon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh **enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**
5. Sebarang pertanyaan mohon hubungi Seksyen Perlantikan Pejabat Pendaftar (UPMKB) di talian 086-855289/086-855234/086-855259